

Lebih ramai wanita harus terajui universiti, organisasi S'pura

**DR INTAN AZURA MOKHTAR**

PERLU ada lebih ramai wanita yang menerajui universiti dan organisasi lain di Singapura, kata mantan Anggota Parlimen (AP) yang kini ahli akademik, Dr Intan Azura Mokhtar.

Bercakap semasa perbincangan panel bertajuk 'Kompak Sosial Baru dan Implikasi Polisi dalam Pekerjaan', Dr Intan, profesor madya di Institut Teknologi Singapura (SIT), berkata:

"Di enam universiti autonomi kita, hanya ada seorang presiden universiti wanita..."

"Bagaimana dengan ahli akademik wanita lain yang kita ada? Mereka

ka cekap dan berkebolehan, tetapi mengapa kita tidak mempunyai mereka dalam pengurusan kanan universiti kita?"

Satu-satunya wanita yang mengetuai universiti autonomi di Singapura ialah Profesor Lily Kong, yang merupakan presiden Universiti Pengurusan Singapura.

Dr Intan menambah bahawa lelaki juga mendominasi kerusi lembaga pengarah serta pengurusan kanan dan jawatan kepimpinan dalam organisasi, dan ini adalah sesuatu yang perlu dilihat oleh Singapura untuk berubah.

Perbincangan panel itu adalah se-

bahagian daripada persidangan Perspektif Singapura 2023 anjuran Institut Kajian Dasar (IPS) dan dikendalikan oleh timbalan pengarah penyelidikan dan penyelidikan kanannya, Dr Gillian Koh.

Anggota panel penceramah lain ialah pengarah NTUC dan AP GRC Pasir Ris-Punggol, Cik Yeo Wan Ling, dan ketua pegawai eksekutif, firma perunding, Stewardship Asia Centre, Encik Rajeev Peshawaria.

Persidangan itu diadakan di Pusat Ekspo dan Konvensyen Sands di Marina Bay Sands (MBS) kelmarin.

Satu cara untuk mendapatkan kumpulan yang kurang bernasib

baik ke dalam jawatan kepimpinan ialah dengan memupuk apa yang Dr Intan sifatkan sebagai meritokrasi inklusif dan perwakilan.

Beliau berkata: "Meritokrasi ialah prinsip yang mewujudkan peluang yang adil untuk semua, tetapi terdapat juga bukti bahawa ia boleh mengukuhkan keistimewaan dan ketidaksetaraan."

Beliau menambah bahawa pengiktirafan berdasarkan pencapaian akademik sahaja boleh secara tidak sengaja mengiktiraf mereka bagi keadaan mereka, seperti hubungan dan modal sosial mereka.

Meritokrasi yang inklusif dan me-

wakili pelbagai golongan harus melihat menjangkau pencapaian akademik lalu dan menerima kepelbagaian, serta melihat kepada keadaan yang dialami individu yang mungkin menjejaskan peluang mereka, katanya.

Menjawab soalan hadirin tentang sama ada biasiswa pemerintah, seperti biasiswa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) yang berprestij, harus mengkaji semula proses pemilihan mereka agar lebih inklusif, Dr Intan dan Cik Yeo berkata PSC telah bertahan sekian lama dan kini menawarkan biasiswa kepada calon daripada latar belakang akademik yang lebih luas.